

**PM umum RM1.1j untuk SMJK , sekolah persendirian  
Malaysiakini.com  
July 28, 2011**

Kerajaan persekutuan memperuntukkan RM1.1 juta kepada tujuh buah sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) Cina dan sekolah persendirian di Kedah, demikian diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak hari ini

Turut menerima peruntukan itu ialah jawatankuasa perayaan ulang tahun ke-100 Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Keat Hwa 1 di Jalan Kuala Kedah di Alor Star, katanya di majlis bersama rakyat serta sambutan 100 tahun penubuhan SMJK Keat Hwa di sekolah itu hari ini.

Sekolah Menengah (Persendirian) Sin Min Sungai Petani dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan(SMJK) Keat Hwa masing-masing menerima sumbangan RM200,000.

Selain itu, SMJK Keat Hwa 2, SMJK Chio Min, SM (Persendirian) Keat Hwa, SM (Persendirian) Sin Min Alor Setar, SMJK Sin Min Sungai Petani dan jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Ke-100 SMJK Keat Hwa masing-masing menerima peruntukan RM100,000.

Najib yang dalam lawatan sehari ke negeri ini, menyampaikan sumbangan itu kepada wakil setiap sekolah di majlis berkenaan.

Hadir sama Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung dan pengerusi badan perhubungan Umno Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah.

Lembaga pengelola SM (Persendirian) Sin Min Sungai Petani Ching Chuen Leong berkata sumbangan yang diterima oleh SMJK dan sekolah Persendirian Cina menunjukkan perdana menteri prihatin dengan nasib mereka.

"Selama ini SMJK dan persendirian hanya bergantung kepada sumbangan syarikat korporat dan juga dana daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk membiayai operasi sekolah dan murid.

"Bantuan yang diterima dapat meringankan beban yang ditanggung pihak sekolah selama ini dalam usaha meningkatkan prestasi pelajar dan sekolah," katanya.

Pengetua SM (Persendirian) Sin Min Alor Setar, Loo Tong Hua berkata beliau terharu dan berterima kasih kepada Perdana Menteri atas sumbangan yang disampaikan.

Katanya bantuan itu membolehkan pihak sekolah menambah baik kemudahan yang sedia ada di sekolah, seperti menambah bilangan komputer untuk kegunaan pelajar.

- Bernama